

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 12 MEI 2005, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil.8**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. 52-100580  
**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah akhbar-akhbar tempatan bersikap sensitif di dalam menyiarkan berita-berita yang berunsur jenayah terutamanya semasa pesta ataupun aktiviti antarabangsa sedang berlangsung di Malaysia sebagai contoh semasa Perlumbaan Formula 1 kerana ia seharusnya mengambil kira kehadiran pelancong-pelancong asing kerana akhbar-akhbar tempatan memainkan peranan di dalam menarik minat mereka ke Malaysia.
2. 22-100249  
**Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tentang cadangan pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah projek terbengkalai yang telah ditinggalkan (abandoned building), kerana ia telah menjadi sesuatu yang menjolok mata dan memburukkan imej bandaraya atau kawasan yang terlibat.
3. 65-100063  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan kriteria-kriteria yang dipakai untuk menentukan sesuatu itu sebagai suatu WARISAN.
4. 14-100438  
**Tuan Krishnan a/l Maniam** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah pelaburan yang telah dibuat oleh pelabur-pelabur dari negara India di negara kita dan apakah sektor-sektor yang menjadi tumpuan mereka.

5. 60-100418  
**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah Kerajaan tidak memantau cara pengambilan kakitangan di sektor swasta demi mengelakkan wujudnya ketidakseimbangan antara kaum. Dan apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan supaya orang Melayu tidak terpinggir dalam pengisian jawatan bertaraf eksekutif dan profesional di sektor swasta.
6. 20-100119  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pakej sistem pengurusan bencana yang akan dibangunkan berserta dengan kos bagi mengesan kejadian bencana alam seperti Tsunami, banjir, gempa bumi, jerebu, tanah runtuh dan sebagainya supaya dapat menyediakan langkah-langkah keselamatan yang lebih efektif.
7. 42-100077  
**Tuan Tan Cheng Tee** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pekebun kecil mendapat pendapatan yang stabil walaupun harga komoditi dunia turun naik dengan mendadak.
8. 69-100336  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perlunya diwujudkan semula biasiswa untuk kakitangan yang bertaraf Penolong Pensyarah (Pemegang Diploma) untuk membuat pengajian lanjutan hingga ke tahap yang lebih tinggi. Keutamaan patut diberikan kepada mereka ini untuk memastikan kualiti tenaga pengajar di Pusat Pengajian Tinggi berada di taraf yang sepatutnya sebagai pendidik.
9. 66-100244  
**Tuan Hii Tiong Kuoh** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan pencerobohan perairan negara khususnya di Sarawak kian menjadi-jadi oleh nelayan asing. Mereka juga menggunakan bom untuk menangkap ikan di mana anak-anak ikan dan juga rumpai laut akan musnah. Sejauh manakah pengawasan pihak keselamatan terhadap aktiviti haram tersebut.
10. 9-100464  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang indah dan mencadangkan agar Kementerian mewujudkan satu peraturan atau denda bagi mereka yang 'memburukkan' alam sekitar. Ini kerana keadaan alam sekitar di negara ini terutamanya di sekitar Lembah Kelang adalah tidak memuaskan.

11. 50-100519  
**Dato' Hamzah bin Zainudin** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk menggalakkan pelajar-pelajar negara luar untuk belajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam, memandangkan masih ramai yang mengikuti pengajian di IPTS yang terdedah kepada penipuan.
12. 43-100023  
**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan di dalam kempen "Budi Bahasa Budaya Kita" apakah iklan seperti menghirup mee dengan gelojoh itu sesuai untuk ditayangkan.
13. 54-100047  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status terkini 'Mini Hydro Dam', di Telok Melano, Sarawak yang berharga kira-kira RM12 juta.
14. 56-100086  
**Dato' Rhina Bhar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status cadangan untuk enakmen gangguan seksual yang dimajukan oleh Kumpulan Tindakan Bersepadu (Joint Action Group) kepada Peguam.
15. 46-100314  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan kemungkinan mewujudkan kor agama dalam perkhidmatan polis.
16. 15-100424  
**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajjah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan Kementerian supaya mahasiswa dan mahasiswi yang masih lagi belajar akan mendapat pekerjaan setelah tamat pengajian kelak dan apakah tindakan-tindakan agar graduan-graduan kita berfikiran terbuka dalam dunia tanpa sempadan hari ini.
17. 9-100525  
**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan telah membuat kajian terhadap hukuman-hukuman alternatif yang tidak membebankan memandangkan kos memenjara banduan atau pesalah yang tinggi termasuk kos infrastuktur, makanan, pengawalan dan pemulihan dan berapakah kos yang perlu ditanggung untuk memenjara seorang banduan atau pesalah untuk satu hari.

18. 45-100293  
**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah faktor-faktor sebenar yang menyebabkan Kerajaan mengubah konsep Radio Irama Melayu Asli (RIMA) kepada Klasik FM.
19. 30-100532  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menyediakan satu sistem permohonan kemasukan ke IPTA yang telah dikemas kini berdasarkan pemilihan secara automatik mengikut kelulusan yang diperolehi.
20. 62-100140  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah kempen memerangi dadah berbahaya yang dilancarkan oleh Kementerian baru-baru ini berkesan dan adakah Kementerian bercadang untuk meneruskan kempen tersebut di masa depan.
21. 17-100415  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang yang terdapat di KWSP pada hujung tahun 2004 dan berapa peratuskah jumlah wang yang terdapat di semua akaun pelabur.
22. 44-100269  
**Puan Safinah binti Jusoh** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan terhadap arahan Kementerian mewajibkan doktor swasta memberikan perkhidmatan sukarela di hospital-hospital Kerajaan dan sejauh manakah keberkesanannya bagi menangani masalah kekurangan tenaga doktor dalam negara.
23. 70-100189  
**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan Akta Skim Insuran Kesihatan Kebangsaan yang dapat membantu masyarakat seperti di negara-negara Barat.
24. 47-100321  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan setinggan mengikut pecahan bandar-bandar utama di Malaysia.

25. 67-100122  
**Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada punca utama yang menyebabkan ramai di kalangan graduan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan mahupun luar negara gagal mencari pekerjaan yang sesuai di Malaysia adalah disebabkan oleh tidak ada penyelarasan terhadap "demand and supply of required workforce" yang seharusnya dilakukan oleh Kementerian dengan Kementerian Sumber Manusia yang arif terhadap keperluan terperinci sumber manusia di setiap sektor ekonomi negara.
26. 53-100196  
**Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bagi menyambut baik saranan Kerajaan dengan memberi kuasa kepada anggota pasukan sukarelawan simpanan seperti Rela dan Sukarelawan Polis, adakah Kerajaan berhasrat untuk menaikkan elaun latihan tahunan serta imbuhan bagi anggota-anggota ini di semua peringkat bagi memastikan kemantapan tenaga sukarelawan ini.
27. 60-100384  
**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan penurunan nilai dolar Amerika Syarikat adakah Kerajaan bercadang untuk menukar rizab negara kepada mata wang selain daripada dolar AS. Apakah calon-calon mata wang yang dicadang serta rasional untuk memilih mata wang tersebut.
28. 19-100365  
**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapakah baki penduduk setinggian yang masih menunggu giliran untuk menetap di rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) sehingga tahun 2005.
29. 67-100106  
**Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pelan dan strategi Kementerian bagi memastikan setiap operator sekolah latihan memandu di negara ini akan menggunakan satu kod etika dan kurikulum latihan yang sama memandangkan kini terdapat kekeliruan terhadap caj bayaran yang dikenakan setiap operator dan berlakunya kes-kes penipuan dan "lesen terbang".
30. 7-100216  
**Dato' Ratnam a/l Muthiah** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan punca peningkatan siswazah menganggur pada masa kini. Apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

31. 24-100583  
**Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah sekolah yang masih belum mendapat khidmat prasarana yang mencukupi di negeri Sabah, terutama dari segi infra bangunan dan bekalan elektrik dan air bersih, jalan raya ke sekolah, telefon dan internet serta kemudahan padang dan bilangan guru yang mencukupi. Apakah strategi Kerajaan untuk menjadikan mereka sekolah bestari.
32. 20-100100  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) bilangan pelajar yang mengambil peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM pada tahun 2001 hingga 2004 dan kadar pencapaiannya; dan
  - (b) secara khususnya berapa bilangan pelajar orang Asli yang mengambil peperiksaan berkenaan dan pencapaiannya serta apakah langkah-langkah mengatasi masalah kekurangan pelajar Orang Asli di IPTA.
33. 41-100268  
**Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan tentang apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah gangguan bekalan air yang selalu berlaku khasnya di kawasan luar bandar, memandangkan masalah tersebut tidak dapat diselesaikan lagi.
34. 45-100305  
**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kadar permohonan memasuki IPTA secara "on-line" melalui UPU Online mengikut bandar dan luar bandar di seluruh negara bagi sesi kemasukan 2005.
35. 70-100208  
**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah benar dakwaan yang mengatakan bahawa Kurikulum Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) lebih menepati kehendak pasaran pekerjaan berbanding Kurikulum Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lebih mementingkan peperiksaan.
36. 51-100014  
**Tuan Chiam Yong Tee** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berikutan beberapa insiden baru-baru ini, adakah Malaysia dan Singapura mampu menjamin keselamatan di Selat Melaka tanpa bantuan atau penglibatan kuasa-kuasa asing.

37. 23-100172  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-
- (a) sejauh manakah penyelarasan dibuat dengan kerjasama Kementerian Pelajaran bagi tujuan meningkatkan mutu serta menarik minat pelajar terhadap sukan; dan
  - (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengesan dan mengenal pasti atlet-atlet sukan yang berpotensi yang telah meninggalkan alam persekolahan.
38. 39-100463  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang dilaksanakan bagi memantau penggunaan sijil halal oleh pengusaha makanan dan produk halal bukan Islam agar pengguna-pengguna Islam tidak merasa ragu-ragu atau waswas untuk menggunakannya dan memastikan ianya tidak disalahgunakan.
39. 19-100362  
**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah Skim Latihan Siswazah Menganggur (SLSM) akan dilancarkan semula dan berapakah jumlah peruntukan untuk skim tersebut sepanjang ia dilaksanakan.
40. 27-100478  
**Puan Hajah Che Jam binti Harun** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sudahkah pihak Kementerian melaksanakan kenaikan gaji tentera terutama anggota lain-lain pangkat seperti yang dicadangkan dan tidakkah Kementerian memberi hadiah bersesuaian kepada tentera yang telah berkhidmat selama 21 tahun.
41. 57-100146  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menjadi Malaysia sebagai sebuah negara maritim yang maju, apakah langkah-langkah dan strategi-strategi yang diambil oleh Kerajaan bagi merealisasikan hasrat tersebut.
42. 72-100593  
**Dato' Kamarudin bin Ambok** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan imej Malaysia terutama Kuala Lumpur turut dibawa oleh pemandu teksi, apakah strategi Kementerian untuk memastikan pemandu teksi senantiasa menampilkan imej Kuala Lumpur yang sihat, moden dan bergaya kepada penumpang, khususnya pelancong asing.

43. 9-100501  
**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengurangkan penggunaan petrol dan diesel oleh kereta-kereta persendirian bagi mengurangkan kos subsidi bahan api.
44. 4-100559  
**Datin Paduka Jaya Partiban** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian akan mengkaji semula kelulusan pembinaan kondominium dan rumah kedai di mana terdapat banyak unit adalah untuk disewa atau dijual yang mencerminkan pengeluaran melebihi keperluan "supply demand theory". Bukankah ini akan menyebabkan harga unit-unit tersebut semakin meningkat kerana wujud keperluan yang disengajakan.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Dato' Hamzah bin Zainudin dan masalah dicadangkan:-**

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas.”

### **Menyambung semula Perbahasan atas masalah [ 11 Mei 2005 ]**

- |    |                |   |                               |
|----|----------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R. 1/2005)  | Rang Undang-undang Kawalan Pertukaran Wang (Pindaan) 2005         | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 3. | (D.R. 5/2005)  | Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan (Pindaan) 2005 | “                             |
| 4. | (D.R. 7/2005)  | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005                | “                             |
| 5. | (D.R. 28/2004) | Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004                  | “                             |
| 6. | (D.R. 6/2005)  | Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2005          | “                             |
| 7. | (D.R. 2/2005)  | Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 2005              | “                             |
| 8. | (D.R. 3/2005)  | Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2005                | “                             |

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2005</u></b>	<b>RISALAT/DOKUMEN</b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST.14	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sarawak Tahun 2002.	12 Mei 2005
ST.17	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perpustakaan Negara Malaysia Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit).	12 Mei 2005
ST.32	Laporan Tahunan Suruhanjaya Tenaga Tahun 2003.	12 Mei 2005
ST.42	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Pertanian Malaysia (BPM) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	12 Mei 2005